

**566 Kanak-kanak Terima Sumbangan Aidilfitri Daripada Yayasan 1MDB
Bernama
10 Ogos, 2012**

KUALA LUMPUR, 10 Ogos (Bernama) -- Seramai 566 anak yatim, kanak-kanak istimewa dan kanak-kanak dari keluarga kurang berkemampuan hari ini menerima sumbangan Aidilfitri daripada Yayasan 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Sumbangan berupa wang tunai RM100 dan barang keperluan makanan itu disampaikan Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Ahmad Phesal Talib pada majlis penyampaian Program Ihsan Ramadan dan Aidilfitri di Pusat Rekreasi Cheras Jalan Peel, di sini.

Ahmad Phesal berkata program itu merupakan satu usaha murni yang perlu dijana dan digalakkan dalam kalangan masyarakat bagi membantu golongan kurang berkemampuan di negara ini.

"Sesungguhnya program ini mendokong gagasan 1Malaysia yang diilhamkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak. Bantuan yang diberikan ini juga diharap dapat membantu mereka menyambut Hari Raya dengan penuh rasa syukur dan gembira.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) turut berusaha memberi perhatian khusus kepada golongan miskin yang berpendapatan RM2,000 ke bawah untuk dibantu," katanya ketika berucap pada majlis itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=687256>